

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 Jilid 2 (6)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2026

DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

Pejabat Bendahari

18 Mac 2026

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 Jilid 2 (6)

18 Mac 2026

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 6/2026

DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Dasar Pembayaran Bonus Dan Bantuan Khas Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan surat kepada semua Badan Berkanun Persekutuan (BBP) bertarikh 2 September 2025 untuk menggunakan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2 Dasar Pembayaran Bonus Dan Bantuan Khas Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.
- 2.2 Pekeliling ini adalah sebagai penambahbaikan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2 dan bertujuan memperkukuhkan tatakelola yang lebih menyeluruh terhadap prinsip akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan BBP.
- 2.3 Pindaan pekeling ini berkuatkuasa 1 September 2025 seperti **Lampiran 1**. Pekeling ini mengandungi perkara berikut :

- 2.3.1 Pendahuluan
- 2.3.2 Tafsiran
- 2.3.3 Kaedah
- 2.3.4 Bayaran Bonus
- 2.3.5 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan
- 2.3.6 Tatacara Permohonan
- 2.3.7 Pemakaian
- 2.3.8 Pengecualian
- 2.3.9 Tarikh Kuat Kuasa

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan garis panduan pembayaran bonus dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai dan kakitangan UTeM.
- 3.2 Badan Berkanun Biasa merupakan BBP yang bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan dan tertakluk kepada sistem saraan Sektor Awam daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
- 3.3 Dasar dan garis panduan ini adalah mengenai bayaran bonus dan BKK ke arah meningkatkan produktiviti serta prestasi kakitangan BBP yang dinamik dan berdaya saing.
- 3.4 Bonus dan BKK hanya terhad kepada pegawai serta kakitangan sahaja dan tidak termasuk Ahli Lembaga Pengarah.

4.0 PELAKSANAAN PEKELILING WP 7.2

- 4.1 Bonus ertinya bayaran tambahan selain gaji sebagai sagu hati, pemberian atau ganjaran kepada pekerja iaitu pegawai dan kakitangan BBP yang layak. Pemberian bonus adalah apa-apa yang diisytihar termasuk bonus tahunan, bonus prestasi, bonus korporat, imbuhan, insentif kewangan atau seumpamanya.

4.2 “Bantuan Khas Kewangan” ertinya pemberian bantuan ihsan atau bantuan “one-off” kewangan kepada pegawai dan kakitangan selaras pemakluman Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

4.3 Kaedah Bayaran Bonus

4.3.1 BBP yang menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan seperti Geran Mengurus atau Pembangunan, Geran Khas, pinjaman atau sesuatu pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dalam suatu tahun asas **tidak dibenarkan membuat pembayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya, kecuali mendapat kelulusan Menteri Kewangan.**

4.3.2 BBP selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 4.3.1 seperti di atas, boleh mempertimbangkan bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya dengan syarat-syarat tertentu.

4.3.3 UTeM adalah tertakluk kepada perkara 4.3.1.

4.4 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan

4.4.1 UTeM boleh mempertimbangkan bayaran BKK tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. cadangan pembayaran BKK adalah tertakluk kepada pengumuman Kerajaan;
- ii. mempunyai peruntukan untuk membayar BKK; dan
- iii. Lembaga Pengarah Universiti bersetuju untuk menggunakan pakai Surat Edaran JPA berhubung dengan pengumuman BKK tersebut.

- 4.5 UTeM tidak menerima pakai tatacara pembayaran bonus yang melebihi dua (2) bulan gaji sepertimana yang dinyatakan pada perkara 5.1 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2.

5.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka. selaku BBP yang menerima Geran Mengurus Kerajaan.
- 5.2 Sebarang pengecualian daripada pemakaian pekeling ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.
- 5.3 Pekeliling ini akan berkuat kuasa daripada tarikh yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"
"KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN"

Saya yang menjalankan amanah,



BAKRI BIN ABU BAKAR
Menjalankan tugas Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
NA/UB/PekelilingBonus



KERAJAAN MALAYSIA

**DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS
KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

WP 7.2 Dasar Pembayaran Bonus dan Bantuan Khas Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

1.	Pendahuluan.....	2
2.	Tafsiran.....	2
3.	Kaedah Bayaran Bonus.....	5
4.	Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan.....	5
5.	Tatacara Permohonan	4
6.	Pemakaian.....	5
7.	Pengecualian	5
8.	Tarikh Kuat Kuasa	5
	Lampiran	6

DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1. Pendahuluan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan garis panduan pembayaran bonus dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai dan kakitangan Badan Berkanun Persekutuan (BBP).
- 1.2 Dasar dan garis panduan ini adalah mengenai bayaran bonus dan BKK ke arah meningkatkan produktiviti serta prestasi kakitangan BBP yang dinamik dan berdaya saing.
- 1.3 Bonus dan BKK hanya terhad kepada pegawai serta kakitangan sahaja dan tidak termasuk Ahli Lembaga Pengarah.

2. Tafsiran

- 2.1 Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - 2.1.1 **“Badan Berkanun Persekutuan”** ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, diperbadankan menurut peruntukan undang-undang Persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] serta mempunyai ciri-ciri berikut:
 - (i) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen;
 - (ii) ditubuhkan sebagai badan korporat yang kekal turun temurun (*perpetual succession*);
 - (iii) mempunyai meterai perbadanan sendiri;
 - (iv) boleh membawa atau dibawa guaman atas nama perbadanannya;
 - (v) boleh memasuki kontrak dan memiliki harta atas nama perbadanannya; dan
 - (vi) secara amnya bebas daripada Kerajaan kecuali ia tertakluk kepada beberapa tahap kawalan oleh Menteri yang bertanggungjawab.

- 2.1.2 “**Menteri**” ertinya Menteri yang bertanggungjawab ke atas sesebuah BBP berdasarkan akta tubuhnya dan selaras dengan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan yang sedang berkuat kuasa yang dibuat di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2].
- 2.1.3 “**Pegawai Pengawal**” ertinya pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].
- 2.1.4 “**Bonus**” ertinya bayaran tambahan selain gaji sebagai sugu hati, pemberian atau ganjaran kepada pekerja iaitu pegawai dan kakitangan BBP yang layak. Pemberian bonus adalah apa-apa yang diisytihar termasuk bonus tahunan, bonus prestasi, bonus korporat, imbuhan, insentif kewangan atau seumpamanya.
- 2.1.5 “**Bantuan Khas Kewangan**” ertinya pemberian bantuan ihsan atau bantuan “*one-off*” kewangan kepada pegawai dan kakitangan selaras pemakluman Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 2.2. Pada masa ini terdapat tiga (3) kategori BBP seperti berikut:
- (a) Badan Berkanun Biasa merupakan BBP yang bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan dan tertakluk kepada sistem saraan Sektor Awam daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;
 - (b) Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS) merupakan agensi yang bukan bersifat komersial dan pelaburan serta operasinya masih bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan. Agensi ini boleh merancang, membentuk dan menguruskan sendiri sistem saraannya mengikut keperluan dan kemampuan kewangan agensi berkenaan. Sebarang pindaan perjawatan dan saraan agensi ini perlu mendapat persetujuan MOF dan JPA; dan
 - (c) Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan dan Dibebeaskan (BBDSB) merupakan agensi yang bersifat komersial dan melaksanakan pelaburan serta mampu membiayai sendiri operasinya. BBDSB diberi kebebasan sepenuhnya untuk merancang, membentuk dan menguruskan sistem saraan sendiri mengikut keperluan, kemampuan, keadaan persekitaran dan juga peranan agensi serta tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Senarai BBP mengikut kategori adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Kaedah Bayaran Bonus

- 3.1 BBP yang menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan seperti Geran Mengurus atau Pembangunan, Geran Khas, pinjaman atau sesuatu pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dalam suatu tahun asas **tidak dibenarkan membuat pembayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya, kecuali mendapat kelulusan Menteri Kewangan.**
- 3.2 BBP selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 3.1 di atas, boleh mempertimbangkan bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya.
- 3.3 Pembayaran bonus oleh BBP seperti di perenggan 3.2 di atas boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
- (i) BBP mempunyai lebih pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA);
 - (ii) BBP hendaklah solven iaitu berupaya untuk membayar apa-apa komitmen yang perlu dijelaskan dalam masa 12 bulan selepas agihan bonus dibuat. Komitmen merujuk, antara lain apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh MOF berikutan komitmen hutang termasuk sukuk, bayaran statutori kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti yang dinyatakan dalam akta tubuh BBP dan sebagainya;
 - (iii) mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membayar bonus; dan
 - (iv) mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.
- 3.4 Sekiranya BBP memenuhi syarat-syarat di perenggan 3.2 dan 3.3 di atas, Lembaga Pengarah BBP boleh memperaku dan mempertimbangkan bonus tidak melebihi dua (2) bulan gaji. Pembayaran bonus melebihi jumlah tersebut hendaklah mendapat kelulusan Menteri Kewangan dengan mematuhi tatacara permohonan seperti di perenggan 5.

4. Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan

- 4.1 Semua BBP boleh mempertimbangkan bayaran BKK tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) cadangan pembayaran BKK adalah tertakluk kepada pengumuman Kerajaan;
- (ii) mempunyai peruntukan untuk membayar BKK; dan
- (iii) Lembaga Pengarah BBP bersetuju untuk mengguna pakai Surat Edaran JPA berhubung dengan pengumuman BKK tersebut.

5. Tatacara Permohonan

- 5.1 Tatacara permohonan pembayaran bonus melebihi dua (2) bulan gaji adalah seperti yang berikut:
- (i) senarai semak permohonan adalah seperti di **Lampiran B**; dan
 - (ii) format kertas cadangan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 5.2 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dikembalikan kepada pemohon.

6. Pemakaian

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua BBP.

7. Pengecualian

- 7.1 Sebarang pengecualian daripada pemakaian pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

8. Tarikh Kuat Kuasa

- 8.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 September 2025 dan Pekeliling Perbendaharaan WP 7.2 bertajuk Dasar dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus oleh Badan-Badan Berkanun yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam bertarikh 3 Julai 2014 adalah dibatalkan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A**JADUAL 1: SENARAI BADAN BERKANUN MENGIKUT KATEGORI**

Senarai Badan-badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori untuk tujuan pekeling ini adalah seperti berikut:

JADUAL 1.1: BADAN BERKANUN BIASA (BBB)

BIL.	BBB	SINGKATAN
1.	Agensi Kelayakan Malaysia	MQA
2.	Akademi Sains Malaysia	ASM
3.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan	ASWARA
4.	Dewan Bahasa dan Pustaka	DBP
5.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	DBKL
6.	Institut Koperasi Malaysia	IKMa
7.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	MARDI
8.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia	MIROS
9.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	IPPBM
10.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia	FRIM
11.	Institut Sukan Negara	ISN
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri	KWBPTR & YDP
13.	Lembaga Ahli Geologi Malaysia	BoG
14.	Lembaga Arkitek Malaysia	LAM
15.	Lembaga Getah Malaysia	LGM
16.	Lembaga Jurukur Tanah Malaysia	LJT
17.	Lembaga Jurutera Malaysia	LJM
18.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	BQSM
19.	Lembaga Kaunselor	LK
20.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	LKIM
21.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	KEJORA
22.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	KESEDAR

BIL.	BBB	SINGKATAN
23.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	KADA
24.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda	MADA
25.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	FELDA
26.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	KETENGAH
27.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	KEDA
28.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	PERDA
29.	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara	LKTN
30.	Lembaga Koko Malaysia	LKM
31.	Lembaga Lada Malaysia	MPB
32.	Lembaga Lebuhraya Malaysia	LLM
33.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	MPOB
34.	Lembaga Pelabuhan Kemaman	LPKmn
35.	Lembaga Pelabuhan Klang	LPK
36.	Lembaga Pelabuhan Kuantan	LPKtn
37.	Lembaga Pelabuhan Labuan	LPL
38.	Lembaga Pelabuhan Melaka	LPM
39.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	FAMA
40.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	CIDB
41.	Lembaga Pembangunan Langkawi	LADA
42.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara	LPSVN
43.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	LPPKN
44.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia	LPPM
45.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	MTIB
46.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	LPNM
47.	Lembaga Pertubuhan Peladang	LPP
48.	Lembaga Teknologis Malaysia	MBOT
49.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	MAIWP
50.	Majlis Amanah Rakyat	MARA
51.	Majlis Peperiksaan Malaysia	MPM

BIL.	BBB	SINGKATAN
52.	Majlis Perubatan Malaysia	MMC
53.	Majlis Sukan Negara Malaysia	MSN
54.	Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	MSWP
55.	Perbadanan Aset Keretapi	PAK
56.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	FINAS
57.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	PKKM
58.	Perbadanan Labuan	PL
59.	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	PPKB
60.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	MATRADE
61.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	SWCorp
62.	Perbadanan Produktiviti Malaysia	MPC
63.	Perbadanan Putrajaya	PPJ
64.	Perbadanan Stadium Malaysia	PSM
65.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	PTPK
66.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	PTPTN
67.	Pertubuhan Berita Nasional	BERNAMA
68.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	RISDA
69.	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	MDA
70.	Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis	IPCC
71.	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	SIAP
72.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia	SKM
73.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	SPPP
74.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa)	SPPP (Teluk Ewa)
75.	Suruhanjaya Persaingan Malaysia	MyCC
76.	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
77.	Universiti Malaya	UM
78.	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
79.	Universiti Malaysia Pahang	UMP
80.	Universiti Malaysia Perlis	UNIMAP

BIL.	BBB	SINGKATAN
81.	Universiti Malaysia Sabah	UMS
82.	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
83.	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
84.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
85.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM
86.	Universiti Putra Malaysia	UPM
87.	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
88.	Universiti Sains Malaysia	USM
89.	Universiti Sultan Zainal Abidin	UniSZA
90.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTeM
91.	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
92.	Universiti Teknologi MARA	UiTM
93.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
94.	Universiti Utara Malaysia	UUM

JADUAL 1.2: BADAN BERKANUN YANG DIASINGKAN SARAAN (BBDS)

BIL.	BBDS	SINGKATAN
1.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	MIDA
2.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	SME Corp

JADUAL 1.3: BADAN BERKANUN DIASINGKAN SARAAN DAN BEBAS (BBDSB)

BIL.	BBDSB	SINGKATAN
1.	Bank Negara Malaysia	BNM
2.	Bank Simpanan Nasional	BSN
3.	Institut Akauntan Malaysia	MIA
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	KWAP
5.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	KWSP
6.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah	MCOM
7.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	LHDNM
8.	Lembaga Pelabuhan Bintulu	LPB

BIL.	BBDSB	SINGKATAN
9.	Lembaga Pelabuhan Johor	LPJ
10.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	LPPSA
11.	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta	LPPEH
12.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	Labuan FSA
13.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	LTAT
14.	Lembaga Tabung Haji	LTH
15.	Lembaga Totalisator Malaysia	LTM
16.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang	PHEB
17.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur	ECERDC
18.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia	MyIPO
19.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	PIDM
20.	Perbadanan Padang Golf Subang	PPGS
21.	Perbadanan PR1MA Malaysia	PR1MA
22.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	PERKESO
23.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	NCIA
24.	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia	SEDA
25.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar	IRDA
26.	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia	CAAM
27.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia	SUHAKAM
28.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	SKMM
29.	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	SPAN
30.	Suruhanjaya Sekuriti	SC
31.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	SSM
32.	Suruhanjaya Tenaga	ST
33.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn	YGTHO
34.	Yayasan Laporan Kewangan	FRF
35.	Yayasan Tun Razak	YTR

Nota: Senarai badan berkanun di atas adalah berdasarkan kepada dokumentasi yang diperolehi sehingga 1 Ogos 2025 dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
BAGI PERMOHONAN BAYARAN BONUS
OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

BIL.	DOKUMEN	TANDA (/)
1	Surat permohonan Badan Berkanun Persekutuan (BBP)	<input type="checkbox"/>
2	Perakuan Lembaga Pengarah & Kelulusan Kementerian/ Menteri Bertanggungjawab	
	a. Surat persetujuan daripada Kementerian Pengawal (termasuk asas pertimbangan Kementerian Pengawal) berserta perakuan/ kelulusan Menteri Bertanggungjawab.	<input type="checkbox"/>
	b. Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah BBP yang lengkap dan disahkan (berserta senarai kehadiran).	<input type="checkbox"/>
4	Kertas Cadangan (dalam Bahasa Melayu) (yang mengandungi perkara berikut, mengikut format seperti di LAMPIRAN B1)	
	a. Analisis & huraian prestasi kewangan bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	<input type="checkbox"/>
	b. Analisis & huraian prestasi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) BBP bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	<input type="checkbox"/>
	c. Analisis & huraian prestasi produktiviti kakitangan untuk tahun penilaian bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	<input type="checkbox"/>
	d. Analisis & huraian prestasi pencapaian KPI Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tahun penilaian (jika permohonan turut merangkumi bayaran bonus secara berasingan kepada KPE).	<input type="checkbox"/>
	e. Asas / justifikasi terhadap pembayaran bonus.	<input type="checkbox"/>
	f. Implikasi kewangan dengan simulasi kuantum berbeza dan sumber dana bagi pembayaran bonus.	<input type="checkbox"/>

5. Dokumen-Dokumen Sokongan
(yang memperinci perkara dalam kertas cadangan)

- a. Penyata Kewangan BBP yang telah diaudit untuk tempoh tiga tahun terkini & Penyata Kewangan tahun penilaian.
- b. Laporan KPI BBP.
- c. Laporan KPI KPE (jika berkaitan).
- d. Terma dan syarat kontrak perkhidmatan KPE (jika berkaitan).
- e. Jadual pembayaran bonus terdahulu (lima tahun ke belakang).
- f. Garis panduan (SOP) dalaman BBP bagi pembayaran bonus.
- g. *Bell Curve* cadangan agihan bonus (jika ada).
- h. Maklumat penerimaan geran Kerajaan & pembayaran hutang Kerajaan untuk tempoh 3 tahun (jika berkaitan).

BBP		MOF
Disediakan oleh: Nama: Jawatan: Emel: Np. Tel: Tarikh:	Disahkan oleh: Nama: Jawatan: Emel: Np. Tel: Tarikh:	Disemak oleh: Nama: Jawatan: Emel: Np. Tel: Tarikh:

NOTA PENTING:

1. Bagi memudahkan semakan dokumen, **silalah letakkan penandaan (tagging) ringkas selaras dengan nombor rujukan pada senarai semak.**
2. Permohonan **tidak akan diproses sekiranya** dokumen/ maklumat yang dikemukakan **tidak lengkap.**
3. Maklumat tambahan lain akan dipohon secara berasingan **sekiranya perlu** berdasarkan *case by case*.
4. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang dikemukakan adalah **benar.**
5. Dokumen hendaklah dicetak depan belakang (**double-sided**).

LAMPIRAN C

[NAMA BADAN BERKANUN]
KERTAS CADANGAN MENGENAI BAYARAN BONUS
BAGI TAHUN KEWANGAN 20XX

TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mengemukakan cadangan [Nama Badan Berkanun Persekutuan - **BBP**] kepada Kementerian Kewangan (MOF) terhadap cadangan bayaran bonus bagi tahun kewangan 20XX.....

LATAR BELAKANG

2. [Nama BBP] adalah sebuah badan berkanun yang ditubuh melalui Akta XXX..... [Akta XXX] pada XX/XX/XX dengan fungsi utama
3. Pada XX/XX/20XX, Lembaga Pengarah [Nama BBP] di mesyuaratnya Bil. XX/20XX..... telah bersetuju terhadap cadangan pemberian bonus sebanyak XX..... bulan gaji kepada XX, termasuk pembayaran bonus kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE).
4. Cadangan ini telah diangkat kepada Kementerian [namakan Kementerian Pengawal] pada XX/XX/20XX..... dan telah dipersetujui oleh YB Menteri(selain BBP Kementerian Kewangan) pada XX/XX/20XX..... seperti di Lampiran A (Sila kemukakan lampiran yang berkaitan).
5. Berdasarkan rekod 5 tahun terkini, pemberian bonus adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Operasi (RM)	Lebihan Sebelum Cukai (RM)	Kadar Bonus : Kumpulan Eksekutif (bulan)	Bilangan kakitangan (orang)	Kadar Bonus : Bukan Eksekutif (bulan)	Bilangan kakitangan (orang)	Implikasi Kewangan (RM)	Kadar Bonus KPE (bulan)	Implikasi Kewangan (RM)
20XX									
20XX									
20XX									
20XX									
20XX									

(Sila nyatakan bilangan sekiranya melibatkan Pegawai Kontrak atau Pegawai Sambilan)

PERATURAN SEMASA

6. Permohonan cadangan pemberian bonus ini adalah berdasarkan kepada peraturan (nyatakan punca kuasa / dasar daripada Akta tubuh / Pekeliling berkaitan yang digunakan) XXX.....
7. Garis panduan dalam [Nama BBP] bagi pemberian bonus XXX.....

ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

8. Justifikasi terhadap pemberian bonus ini adalah seperti berikut:
- i. Analisis Prestasi Kewangan

Petunjuk Utama Kewangan	Tahun 20XX (RM juta)	Tahun 20XX (RM juta)	Tahun 20XX (RM juta)
Jumlah Pendapatan			
Jumlah Perbelanjaan			
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Operasi			
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai			
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai			
Aset / (Liabiliti) Bersih			
Jumlah Tunai & Setara Tunai			
<i>Cost to Income Ratio (%)</i>			

Maklumat adalah berdasarkan penyata kewangan diaudit.

Sila huraikan secara terperinci prestasi kewangan dan justifikasi pemberian bonus berdasarkan prestasi dan kedudukan kewangan tersebut.

Bagi permohonan bonus melebihi 2 bulan gaji, analisis hendaklah mengambil kira prestasi untuk 3 tahun terkini.

- ii. Analisis Pencapaian KPI [Nama BBP]

Sila huraikan secara terperinci prestasi pencapaian KPI agensi bagi tempoh 3 tahun dan justifikasi pemberian bonus berdasarkan prestasi tersebut.

Sila nyatakan juga tahun perubahan, asas perubahan kepada komponen dan pemberat KPI serta tarikh kelulusan Lembaga Pengarah [Nama BBP] mengenai perubahan KPI tersebut.

Komponen KPI	Wajaran (%)	Skor	Sasaran	Pencapaian		
				Tahun 20XX	Tahun 20XX	Tahun 20XX

iii. Analisis Produktiviti Kakitangan

Petunjuk Utama Produktiviti	Tahun 20XX (RM)	Tahun 20XX (RM)	Tahun 20XX (RM)
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Operasi (dibahagi) Kos Pekerja			
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai (dibahagi) Bilangan Pekerja			
<u>Kecekapan Kos Pengurusan:</u> (Jumlah Perbelanjaan dibahagi Jumlah Pekerja)			

Sila huraikan secara terperinci prestasi produktiviti kakitangan dan justifikasi pemberian berdasarkan prestasi tersebut.

iv. Lain-lain

Sila nyatakan dan huraikan dengan terperinci lain-lain justifikasi yang berkenaan (contohnya, analisis prestasi KPE & kontrak beliau, prestasi projek / anugerah / bayaran hutang Kerajaan / penerimaan geran Kerajaan).

IMPLIKASI KEWANGAN

9. Simulasi implikasi kewangan berdasarkan beberapa opsyen adalah seperti berikut:

Senario	Kadar Bonus (bulan)	Implikasi Kewangan (RM)	Bilangan Kakitangan (orang)
Opsyen 1			
Opsyen 2			
Opsyen 3			

10. Cadangan pembayaran bonus ini akan memberi implikasi kewangan sebanyak RMXX..... dan dibayar menggunakan sumber kewangan daripada XX.....

KESIMPULAN / SYOR

11.